



# SIARAN MEDIA

## KERAJAAN TAWAR 187MW KUOTA BAHARU PROGRAM FiT

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia mempelawa permohonan bidaan bagi kuota baharu Tarif Galakan atau *Feed-in Tariff* (FiT) sebanyak 187Megawatt (MW) untuk sumber biogas, hidrokuasa kecil dan biojisim di Semenanjung Malaysia. Kuota ini merangkumi 30MW dikhaskan bagi sumber biogas, 127MW bagi sumber hidrokuasa kecil dan 30MW bagi sumber biojisim. Kesemua kuota ini boleh dipohon secara bidaan atas talian (*e-bidding*) melalui laman sesawang SEDA Malaysia, bermula pada 2 Ogos 2022 untuk hidrokuasa kecil serta 9 Ogos 2022 untuk biogas dan biojisim.

Permohonan kuota FiT secara *e-bidding* mula dilaksanakan pada tahun 2018 bagi sumber biogas sebelum diperluaskan bagi sumber hidrokuasa kecil pada tahun 2019 dan sumber biojisim pada tahun 2021. Pelaksanaan *e-bidding* ini bertujuan memastikan kuota FiT yang diluluskan kepada pembida yang berkelayakan, dilakukan secara adil dan kompetitif dengan tawaran tarif yang terendah. Pendekatan ini membolehkan dana Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) dapat dioptimumkan, seterusnya membolehkan lebih banyak kuota FiT ditawarkan kepada syarikat-syarikat pemaju Tenaga Boleh Baharu (TBB) pada masa akan datang.

Kerajaan menjangkakan penawaran kuota FiT yang baharu ini berupaya menjana pelaburan sebanyak RM1.8 bilion dan mewujudkan sebanyak 550 peluang pekerjaan dalam industri TBB. Langkah ini juga sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negara pasca penularan wabak COVID-19, khususnya dalam pembangunan sektor TBB di samping menyokong pencapaian sasaran 31% kapasiti terpasang TBB menjelang tahun 2025. Projek-projek TBB yang bakal diluluskan ini dijangka boleh menjana dan membekalkan elektrik mulai tahun 2025 hingga 2027.

Sejak Program FiT diperkenalkan pada tahun 2011, kuota sebanyak 1,440MW telah diluluskan bagi kesemua sumber TBB melibatkan sebanyak 10,485 projek di seluruh negara.

Penjelasan lanjut mengenai proses permohonan kuota, termasuk tarikh sesi taklimat kepada para pembida dan tarikh penghantaran permohonan *e-bidding* boleh diperolehi melalui laman sesawang SEDA Malaysia di pautan [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my) selepas pengumuman ini.

## KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**14 JUN 2022**

### SEBARANG MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

#### **Kementerian Tenaga dan Sumber Asli**

Nama : Encik Asdirhyme Abdul Rasib  
(Setiausaha Bahagian Kanan Tenaga Lestari)  
Tel. : 03-8886 1147  
Emel : re@ketsa.gov.my / asdirhyme@ketsa.gov.my

#### **Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia**

Nama : Encik Roslan Ali@Hassan  
(Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik)  
Tel. : 012-377 6983  
Emel : sc@seda.gov.my / roslan@seda.gov.my

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)